

**Kecerdasan Emosi Penyesuaian Diri Situasi Covid-19 Dalam Kalangan Wanita
Berkerjaya di Universiti Malaysia Sabah**

ABSTRACT

Kecerdasan Emosi Sosial Model Bar-On mempunyai lima komponen utama iaitu komponen Intrapersonal, Interpersonal, Penyesuaian, Pengurusan Stres dan Mood Umum. Komponen Penyesuaian mempunyai tiga kemahiran iaitu Ujian Realiti, Fleksibiliti dan Penyelesaian Masalah. Rekabentuk kajian adalah Kuasi Eksperimen dengan seramai 11 orang kakitangan wanita yang berkeluarga terlibat dalam kajian ini. Soal selidik Emotional Quotient Inventory (EQ;I) digunakan untuk mengukur objektif kajian ini. Hasil daripada kajian yang dilakukan secara perseorangan didapati terdapat perubahan skor di kalangan beberapa orang responden selepas intervensi. Namun analisis secara berkumpulan menunjukkan hasil yang tidak signifikan. Dapatan kajian yang selanjutnya dibincangkan dalam kertas kerja ini.